

19 FEB 2004

Syed Hamid-Singapura

PELUANG SELESAI ISU TERTANGGUH M'SIA-S'PURA MAKIN CERAH, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Peluang bagi menyelesaikan pelbagai isu tertangguh di antara Malaysia dan Singapura "semakin cerah" ekoran respon yang baik oleh pemimpin Singapura terhadap pimpinan baru negara, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata pendekatan Malaysia dalam menyelesaikan sebarang masalah adalah sentiasa melalui rundingan diplomasi, dan sekiranya ia menemui jalan buntu, jalan lain akan cuba dicari.

"Nampaknya peluang (penyelesaian) sekarang cerah jadi kita membuat pendekatan yang sedemikian (rundingan) bagi membawa manfaat kepada kedua-dua negara," katanya dalam satu temubual bersama Buletin Malaysia iaitu portal berita Bahagian Keselamatan Negara.

Syed Hamid berkata Kuala Lumpur sememangnya sentiasa membuka pintu kepada Singapura untuk membincangkan masalah yang timbul, bagaimanapun ia tidak mendapat sambutan yang baik sebelum ini.

Di antara isu-isu tertangguh dalam hubungan dua negara tersebut setakat ini berkisar kepada isu harga air mentah yang dibekalkan oleh Malaysia, cadangan pembinaan jambatan baru bagi menghubungkan kedua-dua negara, penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Tentera Udara Singapura dan isu pengeluaran wang Tabung Simpanan Wang Pekerja Pusat oleh pekerja Malaysia di Singapura.

Banyak pihak di kedua-dua negara berpendapat bahawa lawatan sehari Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke republik itu pada 12 Jan lepas telah menyuntik semangat baru untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu tertangguh itu.

Syed Hamid berkata pelbagai usaha telah diambil oleh pucuk pimpinan sebelum ini, dan menurutnya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengesyorkan bermacam-macam cadangan untuk

menyelesaikan
isu-isu tersebut, namun tidak berhasil.

"Tetapi ini pemimpin baru, persekitaran yang diwujudkan adalah persekitaran baru, nampak pemimpin Singapura begitu responsif jadi kita cuba sekali lagi, tetapi matlamat yang sama dengan pemimpin yang lalu iaitu untuk menyelesaikan masalah yang tertangguh dengan membawa manfaat yang adil dan saksama kepada negara kita, tanpa menafikan bahawa Singapura juga ada kepentingan yang tersendiri," katanya.

Menurutnya Malaysia sentiasa menyambut baik hasrat mana-mana negara yang ingin berbaik supaya hubungan kedua-dua negara mendapat manfaat, dan sekiranya manfaat yang diperolehi hasil hubungan itu dirasakan adil, saksama dan seimbang, maka Malaysia juga akan berusaha mencari jalan untuk berbaik.

Ditanya sekiranya Singapura kelihatan seolah-olah memperkotak-katikkan Malaysia dalam menyelesaikan isu-isu tertangguh, Syed Hamid berkata: "Saya tidak fikir perkara itu timbul langsung. Tidak timbul soal memperkotak-katikkan kalau benda itu tidak menguntungkan kita, tidak adil dan saksama untuk kita, kita tidak akan merumuskan apa-apa yang bertentangan dengan kepentingan kita".

-- BERNAMA
MAZ RV AZH